

## Bahagian A

[60 markah]

Jawab **semua** soalan

1. (a) Nyatakan dua ciri kualitatif Penyata Kewangan. [2 markah]
- (b) Pada 1 Januari 2019, sebuah mesin telah dibeli oleh Perniagaan Hoe pada harga RM 12 000. Mesin itu disusutnilaikan sebanyak 10% mengikut kaedah baki berkurangan. Berapakah susutnilai mesin yang direkodkan dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2020? [2 markah]
- (c) Maklumat berikut diperolehi daripada Cyclone Enterprise.
- Belian kenderaan bernilai RM 25 000 telah tersilap catat dalam Akaun Belian
- Betulkan kesilapan tersebut menggunakan jurnal am. [2 markah]
- (d) Encik Ahmad menjalankan perniagaan tanpa menyimpan rekod yang lengkap. Nyatakan dua contoh item yang boleh Encik Ahmad perolehi melalui analisis Buku Tunai bagi membantu penyediaan Penyata Kewangan. [2 markah]
- (e) Syarikat Bubaa Milk, pembekal minuman berperisa telah menerbitkan 200 000 unit 9% syer keutamaan pada harga RM2.00 sesyer dan 1 000 000 unit syer biasa pada harga RM1.00 sesyer. Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh. Berapakah modal diterbitkan? [2 markah]

2. Imbangan Duga berikut diperoleh daripada buku Perkongsian Suki dan Jenny pada 30 Jun 2021.

	<b>Debit</b> <b>RM</b>	<b>Kredit</b> <b>RM</b>
Alatan Pejabat (kos)	90 000	
Susut nilai terkumpul Alatan Pejabat		28 800
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	59 841	21 223
Bank		3 733
Belanja Am	6 289	
Gaji pekerja	75 000	
Utiliti	17 000	
Sewa	34 000	
Insurans	5 800	
Untung Kasar		172 888
Akaun Modal pada 1 Julai 2020		
Suki		44 000
Jenny		34 000
Akaun Semasa pada 1 Julai 2020		
Suki	764	
Jenny		4 350
Ambilan pada 1 Julai 2020		
Suki	14 800	
Jenny	6 000	
Inventori pada 30 Jun 2020	24 500	
Pinjaman Jenny (matang pada 30 Jun 2022)		25 000
	<u>333 994</u>	<u>333 994</u>

Penggajian Perkongsian menggariskan perkara berikut:

- (a) Faedah atas modal 5% setahun.
- (b) Faedah atas pinjaman pekongsi 10% setahun.
- (c) Gaji Jenny RM 16 000 setahun.
- (d) Nisbah untung atau rugi antara Suki dan Jenny ialah 3:2.

**Maklumat tambahan:**

- (i) Inventori akhir pada 30 Jun 2021 ialah RM 24 500.
- (ii) Gaji pekerja belum bayar sebanyak RM 1 200.
- (iii) Belanja am prabayar RM 641.
- (iv) Alatan Pejabat hendaklah disusut nilai pada kadar 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- (v) Gaji Jenny telah dibayar dalam tahun semasa dan telah didebitkan dalam Akaun Gaji Pekerja.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Penyata Mengira Untung Bersih bagi tahun berakhir 30 Jun 2021. [5 markah]
- (b) Akaun Semasa Suki dan Jenny. [6 markah]
- (c) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2021. [4 markah]
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2021 [10 markah]

3. (a) Hawanis seorang pengilang, beliau juga membeli barang siap untuk dijual semula. Berikut adalah baki-baki pada 30 Jun 2021 yang telah diperolehi daripada buku perakaunan Hawanis.

	<b>RM</b>
Angkutan masuk bahan langsung	2 000
Upah buruh langsung	40 010
Belanja am	10 400
Belian alat-alat kilang	2 250
Mesin ( kos)	62 200
Susut nilai terkumpul mesin	26 100
Belian barang siap	18 450
Belian bahan langsung	112 222
Jualan	312 255
Royalti	1 560

	<b>1 Julai 2020</b>	<b>30 Jun 2021</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Inventori barang siap dibeli	1 905	1 860
Inventori barang siap dikilang	38 625	39 420
Kerja dalam proses	8 500	9 420
Alat-alat kilang	6 300	6 100

**Maklumat tambahan :**

- i) Belanja am prabayar RM 350.
- ii) Angkutan masuk belum bayar RM 620.
- iii) Susut nilai adalah pada kadar 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

**Anda dikehendaki menyediakan :**

Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2021.

[9 markah]

- (b) Perniagaan Jauhari Enterprise adalah pengeluar Kuah Rojak berjenama SEDAP. Berikut ialah maklumat berhubung dengan hasil dan kos dalam pengeluaran tersebut.

	<b>RM</b>	
Kicap	1.50	sebotol
Bahan Pemetat	0.50	sebotol
Gaji Buruh Langsung	0.50	sebotol
Overhed berubah	0.50	sebotol
Harga Jualan	5.00	sebotol
Sewa	1 200	sebulan
Overhed tetap	600	sebulan

**Anda dikehendaki :**

- (a) Menghitung:
- (i) Kos berubah sebotol. [2 markah]
  - (ii) Kos tetap. [2 markah]
  - (iii) Margin caruman seunit. [2 markah]
  - (iv) Titik pulang modal ( unit ). [2 markah]
  - (v) Berapakah botol Kuah Rojak yang perlu dikeluarkan jika perniagaan ingin mendapat keuntungan sebanyak RM 8 000. [2 markah]
- (b) Lakarkan Graf Titik Pulang Modal dengan menunjukkan
- (i) Garisan Kos Tetap [1 markah]
  - (ii) Garisan Jumlah Kos [1 markah]
  - (iii) Garisan Jumlah Hasil [1 markah]
  - (iv) Titik Pulang Modal [1 markah]
- (c) Senaraikan 2 Jenis Komponen Kos Pengeluaran [2 markah]

## Bahagian B

[40 markah]

Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini.

4. (a) Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Akashah bagi tahun berakhir 31 Disember 2020.

	<b>RM</b>
Untung kasar	26 800
Jualan bersih	80 000
Inventori Akhir	12 600
Modal Awal	96 000
Modal Akhir	120 530
Modal Kerja	19 430
Liabiliti Semasa	10 520
Liabiliti Bukan Semasa	20 700
Aset Semasa	?
Tokokan	50.68%
Peratus Pulangan Atas Modal	29.19%

### Anda dikehendaki menghitung:

- (i) Kos Jualan. [1 markah]
- (ii) Untung Bersih. [1 markah]
- (iii) Nisbah keberuntungan  
(Margin Untung Kasar dan Untung Bersih). [2 markah]
- (iv) Nisbah Kecairan (pilih dua nisbah). [2 markah]
- (v) Nisbah Kecekapan (pilih dua nisbah). [2 markah]

- (b) Pada 1 Januari 2020, baki Akaun Belum Terima Kuning Enterprise ialah RM 7 900. Pada 31 Disember 2020, En Fahmi telah berhutang kepada Kuning Enterprise sebanyak RM 760. Kuning Enterprise mendapati En Fahmi telah menghilangkan diri dan hutangnya telah dihapuskan sebagai hutang lapuk.

**Anda dikehendaki menyediakan :**

- (i) Akaun Belum Terima dan Akaun Hutang Lapuk. [3 markah]  
(ii) Catatan dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada  
31 Disember 2020 (petikan). [1 markah]

- (c) Pada 31 Disember 2020, En Hizal, pemilik kepada Perniagaan Hizal yang telah menghilangkan diri membayar semula hutangnya sebanyak RM 790 kepada Kuning Enterprise. Baki Akaun Bank pada 31 Disember 2020 ialah RM 12 000.

**Anda dikehendaki menyediakan :**

- (i) Akaun Bank dan Akaun Hutang Lapuk Terpulih. [3 markah]  
(ii) Catatan dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada  
31 Disember 2020 (petikan). [1 markah]

- (d) Baki Akaun Belum Terima Kuning Enterprise pada akhir tempoh perakaunan 31 Disember 2020 ialah RM 45 000. Kuning Enterprise telah memutuskan untuk mewujudkan peruntukan hutang ragu sebanyak 5% setahun atas Akaun Belum Terima Bersih.

**Anda dikehendaki menyediakan :**

- (i) Akaun Hutang Ragu dan Akaun Peruntukan Hutang Ragu. [3 markah]  
(ii) Catatan dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada  
31 Disember 2020 (petikan). [1 markah]

5. (a) Pada 1 Oktober 2021, Buku Tunai Kedai Tuti menunjukkan baki tunai di tangan RM 120 dan tunai di bank sebanyak RM 16 780. Maklumat berikut berkaitan urusaniaga penerimaan dan pembayaran bagi bulan Oktober 2021:

Oct	3	Mengeluarkan tunai dari bank untuk kegunaan kedai RM 500.
	6	Menerima cek bernilai RM 920 daripada Rosie dan memberinya diskaun RM 80.
	11	Jualan tunai dibankkan RM 1340.
	12	Cek diterima daripada Rosie pada 6 Oktober ditanda “ Rujuk kepada Penyuruhbayar”.
	20	Jualan tunai kepada Hafiz dan menerima tunai RM900. Separuh daripada tunai itu digunakan untuk membayar belanja am dan bakinya dibankkan.
	25	Membayar cek kepada Bryan RM 2320 dan menerima diskaun RM240.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

Buku Tunai menggunakan Lampiran yang disediakan.

[10 *markah*]



(b) Kedai alat tulis City Trading telah memulakan perniagaan pada tahun 2021 di Bandaraya Ipoh.

(i) Berikut adalah maklumat yang diperoleh daripada perniagaannya pada 1 Januari 2021.

	<b>RM</b>
Bank	8 000
Tunai	700
Lengkapan	15 000
Inventori	20 000

(ii) Anggaran jualan bulan Januari RM 23 000 dan pada bulan Februari dan Mac akan bertambah 10 % daripada bulan sebelumnya.

(iii) Anggaran Belian bulanan.

<b>Bulan</b>	<b>RM</b>
Januari	16 000
Februari	19 000
Mac	17 000

Semua belian adalah diberikan tempoh kredit sebulan.

(iv) Anggaran perbelanjaan bulanan:

	<b>RM</b>
Gaji pekerja	1 500
Sewa kedai	500
Susut nilaiengkapan	100
Kadar bayaran	500

(v) Pinjaman RM 60 000 dijangka akan diterima pada Februari 2021.

Pinjaman ini berserta faedah 6 % setahun dengan tempoh bayar balik selama 5 tahun. Ansuran bayaran balik pokok dan faedah akan dibuat setiap awal bulan bermula bulan Mac.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

Belanjawan Tunai bagi 3 bulan berakhir 31 Mac 2021.

[10 markah]

(Tunjukkan lebihan atau kekurangan)

6. Maklumat berikut diambil daripada buku-buku Kelab My Sejahtera di Parit Buntar, Perak pada 31 Ogos 2021.

	<b>1 September 2020</b>	<b>31 Ogos 2021</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Rumah Kelab	120 000	120 000
Alatan Pejabat	6 100	4 620
Yuran Ahli Belum Terima	150	250
Yuran Ahli Belum Terperoleh	200	150
Kadar Bayaran Belum Bayar	-	100
Inventori Alat Tulis	75	55
Akaun Belum Bayar kios cenderamata	450	3 000
Insurans prabayar	-	400
Inventori kios cenderamata	550	420

Penerimaan dan Pembayaran Kelab My Sejahtera bagi tahun berakhir 31 Ogos 2021 adalah seperti berikut:

<b><u>Penerimaan</u></b>	<b>RM</b>	<b><u>Pembayaran</u></b>	<b>RM</b>
Baki b/b	1 967	Alatan pejabat	880
Yuran masuk	650	Hadiah sukaneka	950
Yuran ahli	10 100	Akaun Belum Bayar kios cenderamata	2 340
Kutipan yuran sukaneka	1 780	Kadar bayaran	500
Jualan kios cenderamata	6 770	Alat tulis	265
		Insurans	1 200
		Upah pekerja kios cenderamata	500
		Belanja pengurusan sukaneka	330

**Maklumat Tambahan:**

1. Sebanyak RM50 yuran ahli tahun lepas masih belum diterima dan dihapuskan sebagai yuran lapuk.
2. 2/5 daripada kadar bayaran melibatkan kios cenderamata.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Yuran Ahli. [4 *markah*]
- (b) Akaun Perdagangan Kios Cenderamata bagi tahun berakhir 31 Ogos 2021. [4 *markah*]
- (c) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Ogos 2021. [8 *markah*]
- (d) Penyata Mengira Dana Terkumpul Akhir pada 31 Ogos 2021. [4 *markah*]

**KERTAS SOALAN TAMAT**